



# PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI



Menurut Encik Samsudin bin Nurdin sebagai ketua pada edisi kali ke-39 ini berkata, "Edisi Program KPT Prihatin Madani pada kali ini memfokuskan untuk memberi perkhidmatan klinik bergerak dan program jangkauan (outreach) kesihatan komuniti kepada masyarakat di Sandakan buat kali pertama. Oleh itu, Kampung Gum Gum merupakan sebuah destinasi yang terpilih untuk dilawati dan disantuni oleh pihak Hospital UMS.



## PROGRAM PELANCARAN PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI

Hospital UMS menerusi Program KPT Prihatin Madani telah melaksanakan Program Kesihatan di Kampung Gum Gum, Sandakan pada 21 Ogos 2023.



**TARIKH:**  
21 OGOS 2023



**LOKASI:**  
DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG GUM GUM SANDAKAN



"Seramai 74 kakitangan daripada Hospital UMS telah menjadi sukarelawan yang terdiri daripada Pakar-Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pegawai Pemulihan (Fisioterapi), Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja), Pegawai Optometri, Pegawai Psikologi Klinikal, Pegawai Dietetik dan Jururawat bekerjasama sebagai sebuah kumpulan untuk menjayakan program pada kali ini".

# PROGRAM KPT PRIHATIN MADANI

Tambah beliau lagi, “Program kesihatan ini sangat menggalakkan dan meriah kerana telah disertai sebanyak 165 orang penduduk sekitar dari pelbagai golongan umur”. Antara skop perkhidmatan kesihatan dan perubatan percuma yang disediakan oleh pasukan Hospital UMS ialah;



Antara skop perkhidmatan kesihatan dan perubatan percuma yang disediakan oleh pasukan Hospital UMS ialah;

- Kaunter Saringan dan Pemeriksaan Kesihatan
- Kaunter Konsultasi Pegawai Perubatan
- Kaunter Preskripsi Ubat Secara Percuma
- Kaunter Pemeriksaan Khas Wanita
- Kaunter Pemeriksaan dan Rawatan Pergigian
- Kaunter Pemeriksaan Mata
- Kaunter Rawatan Rehabilitasi
- Kaunter Bicara Kesihatan Mental
- Kaunter Runding Cara Pemakanan
- Kaunter Saringan Telinga, Hidung dan Tekak
- Kaunter Perawatan Kesihatan dan Kebersihan Diri
- Sudut Aktiviti Kanak-Kanak

